hasrat keharmonian ikatan mesra fokus perbincangan terus subur

adat resam secara berterusan sebarang masalah duduk sama rendah

buah mulut tali penghubung tembok yang tebal menerapkan disiplin

sebarang persengketaan menyatupadukan rakyat tidak merosakkan

Nama: ..... Kelas: ..... Tarikh: .....

Contoh Jawapan

Perpaduan merujuk kepada suasana dan _____ antara rakyat dalam sesebuah negara. Isu perpaduan kaum bukanlah sesuatu isu yang baharu, bahkan telah menjadi _____ dalam media massa dan _____ dalam kalangan rakyat. Usaha-usaha yang konkrit, sistematik, dan pragmatik haruslah dijalankan _____ untuk mewujudkan perpaduan kaum di negara ini agar_____ dalam kehidupan masyarakat.

(Isi 1) Patuh kepada undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa merupakan elemen penting untuk memupuk perpaduan. ***(Apa)*** Setiap rakyat diwajibkan mematuhi undang-undang agar tidak timbul _____ yang dapat meruntuhkan semangat perpaduan. ***(Bagaimana/Mengapa)*** Segala arahan dan larangan yang telah diwartakan perlu dipatuhi bagi memastikan Malaysia kekal sebagai negara yang mampu **'berdiri sama tinggi,** _____' dengan negara-negara maju. ***(Contoh)*** Contohnya, orang ramai_____ harta benda awam yang dapat disabitkan dengan kesalahan vandalisme. ***(Kesimpulan)*** Hasilnya, semua kaum dapat hidup dengan aman damai tanpa _____.

(Isi 2) Aktiviti sukan juga dapat menyatukan rakyat kerana sukan adalah agen perpaduan. ***(Apa)*** Aktiviti bersukan dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan pada masa sama _____ dan integriti dalam kalangan atlet. ***(Bagaimana/Mengapa)*** Meskipun berlainan fahaman politik, agama, dan bangsa namun ketika menyokong pasukan negara, _____ itu mampu dipecahkan. ***(Contoh)*** Misalnya, apabila pasukan Harimau Malaya bertanding pada peringkat antarabangsa, semua sempadan terhapus dengan sendirinya kerana kita memberi fokus untuk menggenggam kemenangan. ***(Kesimpulan)*** Jelaslah bahawa aktiviti sukan dapat dijadikan _____ atau gelanggang pertemuan pelbagai kaum di Malaysia.

Selain itu, ***(Isi 3)*** media massa memainkan peranan yang penting untuk memupuk perpaduan kaum. ***(Apa)*** Rancangan atau program yang disiarkan hendaklah berkaitan dengan budaya sesuatu kaum di Malaysia. ***(Bagaimana/Mengapa)*** Secara tidak langsung, penonton dapat mengenali _____ sesuatu etnik dan menyelami unsur kebudayaan kaum-kaum lain. ***(Contoh)*** Misalnya, rancangan 'Geng Bas Sekolah' yang memaparkan murid yang berbilang bangsa melakukan aktiviti bersama-sama di sekolah. ***(Kesimpulan)*** Ternyatalah bahawa peranan pihak media massa untuk _____ tidak dapat disangkal lagi.

Sebagai intiharnya, kemakmuran sesebuah negara bergantung kepada perpaduan kaum di Malaysia. Pelbagai pihak harus bergerak sederap, seia sekata untuk mencapai _____ dan perpaduan negara. Bak kata pepatah **'bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat'**.

LIVEWORKSHEETS